



IKLAN JAWATAN KOSONG
SHORT TERM EMPLOYMENT PROGRAM (PERSONEL MySTEP)

TARIKH BUKA IKLAN: 13 SEPTEMBER 2024

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW). Jabatan ini berbesar hati ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **PERSONEL MySTEP**:-

SYARAT PERMOHONAN:

- ✓ **Warganegara Malaysia;**
- ✓ Berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada 3 September 2024;
- ✓ Mempunyai kelayakan akademik sebagaimana yang dinyatakan di dalam jadual;
- ✓ Berkemahiran menggunakan perisian (**Microsoft Office Word, PowerPoint, Excel**);
- ✓ Boleh menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan; dan
- ✓ Amanah, bertanggungjawab dan berdisiplin.
- ✓ Boleh bertutur dalam Bahasa Masyarakat Orang Asli adalah satu kelebihan.
- ✓ Keutamaan diberi kepada calon lelaki.

PELANTIKAN BAGI KELULUSAN DIPLOMA ATAU SETARAF

BIL.	JAWATAN & KELAYAKAN	JUMLAH	LOKASI	KADAR UPAH
1.	<p>JURUFOTOGRAFI</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Diploma dalam bidang Fotografi, Multimedia, Komunikasi Media dan berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya; dan - Kepujian C/6 dalam Bahasa Malaysia dan Matematik; dan - Boleh bekerja di luar pejabat dan hari minggu. - Mempunyai bakat, kebolehan minat dan daya kreativiti dalam bidang fotografi atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik. 	1	Putrajaya	RM1,900.00 / Bulan

SENARAI TUGAS

- a. Berkemahiran menggunakan peralatan kamera dan video.
- b. Berkemahiran menggunakan Canva, CapCut serta perisian-perisian berkaitan.
- c. Membantu untuk penyuntingan video dan penghasilan grafik video.
- d. Bertanggungjawab untuk membuat liputan foto, merekod dan menyelaras galeri foto (arkib) bagi semua program rasmi Jabatan, melaksanakan proses editing dan lain-lain yang berkaitan.

BIL.	JAWATAN & KELAYAKAN	JUMLAH	LOKASI	KADAR UPAH
2.	<p>PENGATURCARA SISTEM</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Diploma dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) /Sains Komputer /Kejuruteraan Perisian dan berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setarafnya; dan - Kepujian C/6 dalam Bahasa Malaysia dan Matematik; dan - Berkebolehan dan berkemahiran dalam membangunkan aplikasi PHP Java Script dan menggunakan MySQL serta pengkalan data yang setara; dan - Berkemahiran dan berpengalaman dalam mereka bentuk, pemantauan dan penyelenggaraan pangkalan data. 	1	Putrajaya	RM1,900.00 / Bulan

SENARAI TUGAS

- e. Membantu melaksanakan pembangunan sistem
- f. Membantu melaksanakan penambahbaikan sistem
- g. Membantu melaksanakan penyelenggaraan sistem
- h. Membantu menyediakan pelaporan sistem

KEMUDAHAN

BIL.	PERKARA	CATATAN
1.	Cuti Rehat	*12 Hari/Setahun
2.	Cuti Sakit	*14 Hari/Setahun
3.	Perlindungan Sosial	Caruman; a) KWSP b) PERKESO
4.	Elaun Makan, Elaun Harian, Bayaran Sewa Hotel/ Elaun Lojing, Elaun Perjalanan Kenderaan	Layak membuat tuntutan sekiranya dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat di dalam negeri

*Dikira secara purata (pro rate) berdasarkan tempoh kontrak

CARA MEMOHON:

- 1) **Borang Permohonan JAKOA/A.1.513** boleh didapati di Laman Sesawang JAKOA www.jakoa.gov.my.
- 2) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan gambar terkini berukuran passport;
- 3) Hendaklah mengemukakan maklumat yang terkini untuk dihubungi;
- 4) Permohonan yang lewat diterima dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan;
- 5) **Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga;**
- 6) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas empat (4) minggu** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**; dan
- 7) **Borang permohonan** perlu di kembalikan semula melalui **pos atau emel** alamat seperti dibawah :-

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Orang Asli
(Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah)
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Aras 9, Blok A, Bangunan Suasana PjH
Lot 2C5, Presint 2, Jalan Tun Abdul Razak
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel : 03-8090 3600 ext 3639/3648
Emel : pengambilan@jakoa.gov.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 27 SEPTEMBER 2024